

Headline **SELIDIK STATUS KESIHATAN PASANGAN**
Date **28 May 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **17**
Article Size **267 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,763**
PRValue **35,289**



SELIDIK STATUS KESIHATAN PASANGAN

PERNIKAHAN adalah satu anugerah dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya. Ia jalan yang sah lagi diredhai Allah SWT bagi menghalalkan hubungan lelaki dan perempuan. Perkahwinan (nikah) menurut syarak adalah akad (ijab dan qabul), yang menghalalkan pergaulan antara lelaki (suami) dan perempuan (isteri) mengikut syarat tertentu yang ditetapkan.

Bagaimanapun, selain persiapan material, haruslah diingat, persediaan ujian kesihatan amatlah penting untuk dilakukan sebelum perkahwinan berlangsung. Bagi mengenal pasti dan risiko penyakit yang bakal dihadapi pasangan mahu pun anak kelak.

Ini termasuk HIV, Aids, penyakit kelamin dan Hepatitis B. Selain itu dengan melakukan pemeriksaan awal, pasangan dapat

mengetahui/mengesan penyakit keturunan seperti hemophilia dan talasemia.

Ujian kesihatan dan kaunseling bertujuan memberi persediaan minda kepada pasangan mengenai kemungkinan yang bakal dihadapi. Kajian menunjukkan ujian kesihatan dan kaunseling sebelum perkahwinan mampu mengukuhkan kasih sayang antara suami isteri.

Dalam kaunseling ini, kedua-dua bakal pengantin akan diberitahu mengenai risiko yang bakal dihadapi kelak pada pasangan atau anak. Begitu juga untuk penyakit keturunan. Biasanya pesakit atau pembawa genetik disaran untuk berkahwin dengan individu normal bagi mengurangkan risiko dan mengel-

akkan anak-anak mewarisi penyakit berkenaan.

Tidak sedikit rumah

tangga yang runtuh apabila salah seorang pasangan tidak dapat menerima hakikat dan menyalahkan pasangan apabila dikurniakan anak yang berpenyakit

Majlis Fatwa Pulau Pinang dalam keputusannya pada 14 Jan 1998 sebulat suara melarang sama sekali pasangan menghidap HIV berkahwin kerana berdasarkan kepada hadis.

Rasulullah SAW dalam hadisnya pernah berpesan: "Perempuan itu dikahwini kerana empat: Kecantikannya, keturunannya, hartanya dan agamanya. Pilihlah yang beragama nescaya selamatlah kamu."

Justeru, apabila Islam menyarankan supaya menilai bakal pasangan sebelum berkahwin, ia menunjukkan perkahwinan dalam Islam sesuatu yang dirancang. Ia bukan berdasarkan nasib semata-mata dan membuat keputusan mengikut nafsu dan emosi. Perkahwinan dalam Islam bukan satu perjudian, ia tidak mengikut nasib semata-mata tetapi dirancang dan disusuli usaha dan doa kepada Allah.

Seorang perempuan yang membuat keputusan untuk menerima seorang lelaki yang menghidapi penyakit AIDS akan memberi kesan kepada kehidupan serta anak-anak untuk jangka panjang. Maka seharusnya pihak perempuan haruslah berfikir secara rasional dan waras untuk mengelakkan risiko yang bakal dihadapi.

Dalam membuat keputusan, Islam menggariskan tatacara agar mendapat keputusan terbaik. Firman Allah bermaksud "Janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebina-

saan..." (al-Baqarah: 195).

Semua mazhab sependapat jika seorang perempuan membuat keputusan bersetuju berkahwin dengan lelaki yang diketahui mempunyai keaiban, haknya untuk fasakh dianggap terbatal selepas perkahwinan.

Begitu juga jika keaiban berlaku selepas perkahwinan tetapi isteri menyatakan keredaannya terhadap kecacatan itu. Justeru, ketika itu haknya menuntut fasakh menggunakan alasan keaiban juga dianggap terbatal.

Sesungguhnya isteri yang reda adalah isteri yang solehah maka Sabda Rasulullah SAW yang lebih kurang maksudnya: "Barang siapa yang telah dikurniakan

oleh Allah dengan isteri yang solehah, maka ia telah dilengkapkan sebahagian daripada agamanya. Maka, bertaqwalah kepada Allah untuk sebahagian yang lain itu." (Hadith Riwayat At-Tabrani dan Al-Hakim dan dinyatakan sahih sanadnya).

Apa kata pakar?



Datuk Khairul Anwar Rahman

Peguam bela dan peguam cara syariah/sivil